

Kerajaan Singapura memberi peluang yang banyak kepada umat Islam dan kalau umat Islam tidak mengambilnya tentu merugikan – En. Abdul Rahim Ishak dengan tidak menyebutkan apakah peluang-peluangnya.

*

Dalam perlembagaan Singapura yang dahulu dan yang akan datang, kebebasan beragama dan kebebasan mendakwahkan agama adalah diberi termasuk agama Islam – En. Rahim Ishak.

*

Apabila bahagian Tabligh Qalam hendak² menayangkan gambar-gambar “slaidnya” untuk syarahan mawlid Nabi terdiri dari gambar-gambar tanah-tanah suci, empat orang pegawai polis meminta ditunjukkan dahulu kepadanya – Ketua Tabligh Qalam.

*

Dalam perjumpaan Mawlid Nabawī anjuran UMNO di Kampung Beduk, polis tidak membenarkan orang-orang memberi sumbangan ucapan – Kata seorang ustazah.

*

Singapura bukan sebuah negara Cina yang ketiga, sementara pun ada 75 peratus orang-orang Tionghua di Singapura – Dr. Toh Chin Chye.

*

Bolehkah satu masyarakat berbilang kaum benar-benar berkembang atas asas persaudaraan sedarah daging? – Tanya Dr. Toh Chin Chye.

*

Orang adik-beradik sedarah daging pernah berkelahi kerana pusaka – Dr. Toh Chin Chye.

Air dicincang takkan putus – Pepatah Melayu.

*

Adalah didukacitakan alim-alim ulama ketika zaman penjajah dulu tidak memberi pertunjuk atau ajaran-ajaran yang terkandung di dalam al-Qur’ān – Dato’ Othman bin Mohd Saat.

*

Kalau alim ulama dari dulu lagi telah memberi penerangan akan tujuan-tujuan dan makna-makna yang terkandung di dalam ayat-ayat al-Qur’ān, tidaklah orang-orang Melayu jadi mundur begini dalam semua lapangan – Haji Othman.

*

Cabutan

*

Haji Hassan Yunus, bekas pangku Mufti Johor dan Menteri Besar Johor tidak dapat hadir di majlis pembukaan masjid disebabkan beliau sedang berehat di Jepun – Haji Othman Saat pemangku Menteri Besar Johor.

*

Adanya semangat merdeka sehingga tertubuhnya kerajaan Malaya bukanlah dari pejuang-pejuang dari golongan pendidikan Inggeris tetapi adalah dari suara-suara madrasah, guru-guru agama dan alim ulamanya yang mendapat jiwanya dari orang-orang Arab dan belajar dengan Arab – Seorang Kiyai.

*

Pemimpin-pemimpin agama Islam dan pemimpin-pemimpin lain hendaklah mentafsirkan pengajaran agama masing-masing untuk

kebaikan negara Singapura dan dunia seluruhnya – Lee Kuan Yew.

*

Semua pemimpin-pemimpin agama haruslah mengajar penganut-penganut agamanya tentang dasar negeri ini untuk membina sebuah masyarakat yang berbilang kaum, budaya, bahasa dan agama – K.M. Abdul Razak, Pengerusi Persidangan al-Qur’ān di Singapura.

*

Ajaran al-Qur’ān selaras dengan fahaman masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya, negara republik ini – Lee Kuan Yew.

*

Dan barangsiapa mencari agama lain daripada Islam, maka tidak akan diterima (agama itu) daripadanya, sedang ia di akhirat nanti adalah seorang daripada mereka yang rugi – Maksud al-Qur’ān

*

Agama Islam ialah tiang UMNO – Syed Ali Redha.

*

Pemuda UMNO Singapura akan mengadakan peraduan pentas bersama pertunjukan ratu cantiknya kerana memungut derma – Berita.

*

Kerajaan Perikatan bukan sahaja bercakap-cakap menjadikan agama Islam agama rasmi negeri ini tetapi kerajaan telah menunjukkan sesuatu yang istimewa pada jurusan tersebut di samping melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan untuk rakyat – Tan Sri Ibrahim Fikri.

*

Mengapa hanya berkata tetapi tidak berbuat (beramal)? – Maksud al-Qur’ān.

² Pengulangan perkataan ‘hendak’ dalam teks asal.